

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**PERINTAH HARIAN
RABU, 5 SYAWAL 1447H BERSAMAAN 25 MAC 2026M**

PH09/01/2026

9:30 PAGI

1

1. MEMBACA DOA

2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- 1) **[PL059] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan jika terdapat kajian berkenaan peningkatan mutu perkhidmatan awam yang melibatkan orang ramai berkenaan penyerapan dan penggunaan *digital transformation* dalam perkhidmatan awam?
- 2) **[PL095] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah teknologi digital menyokong pembangunan kemahiran dan kebolehpasaran belia dan usaha memperluaskan ekonomi kreatif dan sukan digital (*e-sports*)?
- 3) **[PL089] : Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan jika terdapat perancangan untuk memperluaskan rangkaian kemudahan kenderaan elektrik (EV) termasuk stesen pengecasan awam (*charging station*) di Temburong?
- 4) **[PL085] : Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah perkembangan penggunaan kenderaan elektrik (EV) di Negara Brunei Darussalam dari segi jumlah pendaftaran, infrastruktur dan penerimaan rakyat?

-
- 5) **[PL159] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah status pengiktirafan undang-undang berkenaan tandatangan digital dan duti setem digital? Adakah undang-undang dan sistem yang sedia ada membolehkan penggunaannya dalam urusan rasmi dan komersial?
 - 6) **[PL069] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan rancangan kementerian dalam memperluaskan aktiviti dakwah yang disesuaikan dengan perubahan sosial dan kemajuan teknologi bagi menarik minat generasi muda?
 - 7) **[PL092] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan bagaimanakah teknologi digital dimanfaatkan bagi memperkukuhkan sistem pendidikan agama dan penyampaian dakwah?
 - 8) **[PL079] : Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman** meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan sejauh mana kerjasama strategik di antara institusi pendidikan, NGO dan komuniti setempat bagi memperkukuh ekosistem dakwah negara?
 - 9) **[PL115] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan AI digunakan secara berhemah dan seimbang, serta memantau keberkesanan penggunaannya?
 - 10) **[PL152] : Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menerangkan berkenaan langkah Kementerian untuk memperkukuh pendidikan mengenai keselamatan digital, etika dalam talian serta kesedaran kesihatan mental di kalangan pelajar dan belia dengan mengambil kira peningkatan kandungan digital yang mengeksploitasi wanita dan gadis muda, termasuk media yang dimanipulasi AI dan dikongsi tanpa kebenaran. Bagaimanakah usaha-usaha ini diselaraskan antara agensi-agensi berkaitan?
 - 11) **[PL062] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana kementerian mengukur keberhasilan usaha pembelajaran dan penggunaan teknologi maklumat dikalangan pelajar?

-
- 12) **[PL071] : Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian terkini penuntut dalam penguasaan kemahiran teknologi digital, termasuk literasi digital, penggunaan perisian dan keselamatan siber? Bagaimanakah penguasaan teknologi digital dinilai dan diukur di sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi?
- 13) **[PL036] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme penyelarasan merentas kementerian yang telah atau akan diwujudkan bagi menangani peningkatan bilangan permohonan Skim Kebajikan Negara (SKN).
- 14) **[PL103] : Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauhmana status pencapaian dalam mengurangkan bilangan penerima skim bantuan kebajikan termasuk faktor utama yang menyumbang kepada pengurangan serta peranan sektor swasta dan komuniti?
- 15) **[PL098] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan usaha kementerian dalam meningkatkan dan mengintegrasikan teknologi digital untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat serta sektor perniagaan?
- 16) **[PL050] : Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam menangani sebahagian belia tempatan yang mengelak pekerjaan yang menuntut disiplin atau kemahiran khusus dan enggan memberikan komitmen jangka panjang dan mempunyai pemikiran kerjaya jangka pendek?
- 17) **[PL093] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah langkah bagi memperluaskan penglibatan belia, pengusaha kecil dan komuniti setempat dalam rantaian nilai pelancongan domestik?

-
- 18) **[PL033] : Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan jika terdapat dasar dan hala tuju jangka panjang untuk Kampong Ayer sebagai usaha pemeliharaan identiti tradisional, pemodenan, keselamatan, keselesaan dan kualiti hidup penduduk tanpa menjejaskan nilai kemasyarakatan.
- 19) **[PL138] : Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan sekiranya terdapat perancangan bagi penintegrasian sistem pembayaran digital 'Tarus' kendalian NDPX dengan Digital ID serta penilaian impak terhadap aspek integriti, kecekapan kos, dan pertumbuhan KDNK negara?
- 20) **[PL094] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah kurikulum pendidikan negara disesuaikan dengan keperluan kemahiran digital automasi dan teknologi masa hadapan?
- 21) **[PL116] : Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kementerian merancang untuk memperkenalkan semula mata pelajaran kemahiran hidup seperti *home science*, *wood work* dan *agriculture* di peringkat menengah atau peringkat rendah?
- 22) **[PL149] : Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status dan kesinambungan projek *Intergrated National Education Information System* (iNEIS) pada masa ini, serta perancangan penaiktarafkan atau penggantian sistem tersebut selaras dengan aspirasi MOE Digital Transformation Plan 2023-2027?
- 23) **[PL097] : Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan usaha kerjasama Kementerian bersama sektor pendidikan, komuniti dan pihak swasta dalam memupuk kesedaran kesihatan sejak usia muda?

3. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN

PERBAHASAN JAWATANKUASA PERBEKALAN

**Perbahasan berkenaan Rang Undang-Undang Perbekalan (2026/2027),
2026**

DAN

**Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh
Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin
Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan
Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam**

- i. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (Tajuk SH01A hingga SH06A)
- ii. Kementerian Hal Ehwal Ugama (Tajuk SJ01A)
- iii. Kementerian Pembangunan (Tajuk SK01A hingga SK08A)
- iv. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tajuk SL01A hingga SL06A)